

٥٣ - بَابُ مَا جَاءَ فِي التَّشْدِيدِ فِي الْبَوْلِ

53 - Bab Peringatan Keras Mengenai Air Kencing.⁶²²

٧٠ - حَدَّثَنَا هَنَادٌ وَقُتَيْبَةُ وَأَبُو كُرَيْبٍ قَالُوا حَدَّثَنَا وَكِيعٌ عَنِ الْأَعْمَشِ قَالَ سَمِعْتُ مُجَاهِدًا يُحَدِّثُ عَنْ طَاوُسٍ عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مَرَّ عَلَى قَبْرَيْنِ فَقَالَ إِنَّهُمَا يُعَذَّبَانِ وَمَا يُعَذَّبَانِ فِي كَبِيرٍ أَمَّا هَذَا فَكَانَ لَا يَسْتَتِرُ مِنْ بَوْلِهِ وَأَمَّا هَذَا فَكَانَ يَمْشِي بِالنَّمِيمَةِ

قَالَ أَبُو عِيسَى وَفِي الْبَابِ عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ وَأَبِي مُوسَى وَعَبْدِ الرَّحْمَنِ بْنِ حَسَنَةَ وَزَيْدِ بْنِ ثَابِتٍ وَأَبِي بَكْرَةَ قَالَ أَبُو عِيسَى هَذَا حَدِيثٌ حَسَنٌ صَحِيحٌ وَرَوَى مَنْصُورٌ هَذَا الْحَدِيثَ عَنْ مُجَاهِدٍ عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ وَلَمْ يَذْكُرْ فِيهِ عَنْ طَاوُسٍ وَرِوَايَةُ الْأَعْمَشِ أَصَحُّ قَالَ وَ سَمِعْتُ أَبَا بَكْرٍ مُحَمَّدَ بْنَ أَبَانَ الْبَلْخِيِّ مُسْتَمْلِي وَكِيعٍ يَقُولُ سَمِعْتُ وَكِيعًا يَقُولُ الْأَعْمَشُ أَخْفَظُ لِإِسْنَادِ إِبْرَاهِيمَ مِنْ مَنْصُورٍ

70 – Hannād, Qutaibah dan Abu Kuraib meriwayatkan kepada kami, kata mereka, Wakī` meriwayatkan kepada kami daripada al-A`masy, katanya: Aku mendengar Mujāhid meriwayatkan daripada Thāwūs⁶²³ daripada Ibni `Abbās,

⁶²² Dengan bab ke-53 ini Imam Tirmidzi memulakan pula perbincangan tentang permasalahan najis. Ia berterusan hingga bab ke-55. Tiga bab sebelum ini berbicara tentang kesucian air. Dan lapan bab selepas bab ke-55, bermula dari bab ke-56 dikhususkan untuk perkara-perkara yang membatalkan wudhu'.

Tujuan mengadakan bab ke-53 ini ialah menyatakan keperluan menjaga diri daripada terkena air kencing sendiri, kerana air kencing manusia itu najis menurut kesepakatan para `ulama'. Sembahyang seseorang dengan memakai kain atau pakaian yang terkena air kencing, demikian juga dalam keadaan mana-mana bahagian tubuhnya terkena air kencing adalah tidak sah.

Peringatan keras daripada Rasulullah s.a.w. menerusi hadits-haditsnya juga ada untuk orang-orang yang tidak menjaga dirinya daripada terkena air kencing ketika membuang air kecil.

Oleh kerana itu, kita hendaklah beristinja' (membersihkan najis berupa air besar atau air kecil) dengan sebaik-baiknya, dengan melurut sedikit kemaluan setelah selesai kencing atau meneran sedikit supaya air kencing keluar habis dan tidak menitis lagi setelah dibasuh. Kemudian baru membasuhnya dengan air atau mengesatnya dengan tisu dan sebagainya.

⁶²³ Beliau ialah Thāwūs bin Kaisān al-Yamāni al-Ĥimyari al-Fārisi. Abu `Abdir Raḥmān adalah kunyahnya. Ada juga dikatakan, nama sebenarnya Dzakwān, Thāwūs itu hanyalah laqabnya (nama gelarannya). Thāwūs perawi faqīh lagi fādhl dari thabaqah ke-3.

kata beliau: Nabi s.a.w. melewati dua buah kubur,⁶²⁴ lalu Baginda bersabda: “Kedua-duanya sedang disiksa,⁶²⁵ dan mereka disiksa bukan kerana sesuatu

Beliau meriwayatkan hadits daripada Abu Hûrairah, `Aaishah, Ibnu `Abbās, Zaid bin Tsābit dan lain-lain. Mujāhid, Zuhri dan lain-lain pula adalah orang-orang yang meriwayatkan hadits daripadanya.

Thawus sendiri berkata, “Aku sempat menemui 50 orang sahabat.” Ibnu `Abbās berkata, “Sesungguhnya aku percaya Thāwūs ahli syurga.” Amar bin Dīnār berkata, “Aku tidak melihat orang sepertinya.” Ibnu Hībān pula berkata, “Thāwūs telah mengerjakan haji sebanyak 40 kali.” Thawus meninggal dunia pada tahun 106 Hijrah.

⁶²⁴ Menurut riwayat Ibnu Majah, Nabi s.a.w. melewati dua buah kubur baharu.

⁶²⁵ Kedua-dua kubur dikatakan disiksa, padahal yang disiksa ialah orang yang berada di dalam kedua-dua kubur itu. Penggunaan bahasa seperti ini sering ditemui bukan sahaja di dalam hadits tetapi juga di dalam al-Quran.

Ia termasuk salah satu seni bahasa `Arab di bawah qaedah majāz mursal, di mana tempat bagi sesuatu disebutkan, sedangkan yang dimaksud ialah sesuatu yang berada di tempat itu (من باب إطلاق المحل وإرادة الحال).

Para `ulama' berbeza pendapat tentang dua orang yang dikebumikan pada dua kubur berkenaan. Adakah mereka orang Islam atau orang kafir. Ada yang mengatakan mereka kafir kerana perkuburan itu adalah perkuburan orang-orang kafir. Ada juga yang mengatakan perkuburan itu adalah perkuburan orang-orang Islam, jadi yang dikebumikan di situ tentulah orang-orang Islam.

Abu Musa al-Madīni yakin dua orang yang disiksa di kubur itu ketika Nabi s.a.w. melewatinya adalah orang kafir. Alasannya ialah satu hadits yang diriwayatkan daripada Jabir menerusi sanad yang di dalamnya ada Ibnu Lahī`ah, seorang perawi dhaif, bahawa Nabi s.a.w. lalu dekat dua kubur Bani an-Najjār. Yang dikebumikan pada dua kubur itu ialah dua orang yang telah mati di zaman Jahiliyah. Tiba-tiba Baginda terdengar mereka sedang disiksa kerana air kencing dan kerana mengacum.

Kata Abu Musa, hadits itu walaupun tidak kuat (sanadnya), tetapi ma`nanya betul. Kerana kalau mereka orang Islam, apa ertinya syafa`at Nabi s.a.w. untuk mereka hanya sehingga kering pelepah tamar yang dipacak oleh Baginda pada kuburnya?

Apabila Rasulullah s.a.w. mengetahui mereka sedang disiksa, maka sifat ihsan dan belas kasihan Baginda tetap tidak melepaskan mereka daripada mendapat syafa`at Baginda. Walaupun syafa`at Baginda berguna kepada mereka hanya untuk selama itu sahaja.

Kata Hāfiz Ibnu Hajar, hadits yang dijadikan hujah oleh Abu Musa itu diakui sendiri oleh beliau sebagai dhaif. Imam Aḥmad dengan sanad yang sahih menepati syarat Muslim juga meriwayatkannya, tetapi tanpa menyebutkan sebab mereka disiksa. Menyebutkan sebab mereka disiksa di dalam hadits itu hanyalah berpunca daripada kekeliruan Ibnu Lahī`ah.

Hadits itu memanglah sesuai dengan hadits Jabir yang panjang yang diriwayatkan oleh Muslim. Kemungkinan penghuni dua kubur yang tersebut di dalam hadits itu orang kafir memang jelas.

yang besar.⁶²⁶ Yang ini disiksa kerana tidak memelihara diri daripada air kencingnya,⁶²⁷ dan yang satu lagi kerana suka mengacum.”⁶²⁸

Bagaimanapun dua kubur yang tersebut di dalam hadits ke-70 ini berdasarkan pengamatan terhadap saluran-saluran riwayatnya, lebih menunjukkan ia adalah kubur dua orang Islam. Seperti telah disebutkan sebelum ini bahawa berdasarkan riwayat Ibnu Majah dua kubur itu baharu. Dengan itu tidak boleh lagi dikatakan itu kubur zaman Jahiliyah.

Apa lagi kalau dilihat kepada hadits Abu Umāmah yang diriwayatkan oleh Aḥmad. Di dalamnya tersebut bahawa Nabi s.a.w. lalu dekat kubur Baqī', lalu Baginda bertanya, “Siapa kamu kebumikan di sini hari ini?”

Semua itu menunjukkan dua penghuni kubur berkenaan adalah orang Islam. Kerana Baqī' adalah perkuburan orang-orang Islam. Pertanyaan Nabi s.a.w. di dalam hadits Abu Umāmah itu juga ditujukan kepada orang-orang Islam. Selain itu, penganut masing-masing agamalah yang akan mengebumikan orang-orang yang mati di kalangan mereka.

Hadits Abu Bakrah yang dikemukakan oleh Aḥmad, at-Thabarāni dan lain-lain dengan sanad yang sahih juga menyokong dua kubur yang tersebut di dalam hadits ke-70 ini adalah kubur orang Islam. Antara yang tersebut di dalamnya ialah:

إِنَّهُمَا لَيُعَذَّبَانِ، وَمَا يُعَذَّبَانِ فِي كَبِيرٍ، وَبَلَى ... وَمَا يُعَذَّبَانِ إِلَّا فِي الْبُؤْلِ، وَالْغَيْبَةِ

Bermaksud: “Sesungguhnya mereka berdua sedang disiksa. Tidaklah mereka disiksa kerana sesuatu yang besar, bahkan (besar)...Tidak mereka disiksa melainkan kerana kencing dan mengumpat.”

Potongan sabda Rasulullah s.a.w. yang terakhir itu “Tidak mereka disiksa melainkan kerana air kencing dan mengumpat” membayangkan penghuni dua kubur itu adalah orang Islam. Kerana orang-orang kafir, di samping disiksa kerana tidak melaksanakan ajaran Islam, mereka juga disiksa kerana kekufuran tanpa ada sebarang perbezaan pendapat ‘ulama’ dalam perkara ini.

⁶²⁶ Maksud sabda Nabi s.a.w. “dan mereka disiksa tidak kerana sesuatu yang besar” ialah sesuatu yang tidak berat dan tidak sukar dilakukan jika mereka mahu, ia bukan bererti mereka tidak melakukan dosa besar. Bagaimana ia bukan dosa besar kalau kedua mereka disiksa kerananya?

Tidak memelihara diri daripada air kencing membawa kepada tidak sah sembahyang. Mengacum pula merupakan punca perbalahan dan pergaduhan yang adakalanya membawa kepada peperangan yang meragut nyawa ribuan manusia.

Di dalam sesetengah riwayat ini (lihat sebagai contohnya riwayat Shaḥīḥ Bukhārī) setelah tersebut وَمَا يُعَذَّبَانِ فِي كَبِيرٍ (mereka berdua tidak disiksa kerana sesuatu yang besar), ada tambahan وَإِنَّهُ لَكَبِيرٌ selepasnya. Tambahan itu bererti sedangkan ia memang besar. Maksud memang besar di sini ialah dosanya memang besar. Walaupun pada pandangan mereka perbuatan mereka tidak besar kesalahannya.

Para 'ulama' memberikan beberapa pandangan tentang sabda Nabi s.a.w.: وَمَا يُعَذِّبَانِ فِي كَبِيرٍ (mereka berdua tidak disiksa kerana sesuatu yang besar), apa maksudnya dan apa-apa yang ada kaitan dengannya.

Secara ringkas di bawah ini dikemukakan pandangan mereka tentangnya:

(1) Al-'Allamah Abu 'Abdil Malik al-Būni berkata, “Setelah Rasulullah s.a.w. bersabda: وَمَا يُعَذِّبَانِ فِي كَبِيرٍ (mereka berdua tidak disiksa kerana sesuatu yang besar), Baginda terus mendapat wahyu susulannya iaitu بلى وإنه لكبير (bahkan sesungguhnya ia memang besar). Demikianlah tersebut di dalam Sahih Bukhāri melalui saluran riwayat Manshūr.

(2) Maksud penafian di dalam sabda Nabi s.a.w. itu ialah sesuatu yang besar seperti dosa kufur, syirik, membunuh orang dan lain-lain. Jelas sekali dua dosa orang yang disiksa di dalam kuburnya itu tidak termasuk dalam tujuh dosa besar yang diperintahkan oleh Rasulullah s.a.w. supaya di jauhi. Baginda bersabda:

اجتنبوا السبع الموبقات قالوا : يا رسول الله وما هنَّ قَالَ الشِّرْكُ بِاللَّهِ وَالسَّحَرُ وَقَتْلُ النَّفْسِ الَّتِي حَرَّمَ اللَّهُ إِلَّا بِالْحَقِّ وَأَكْلُ الرِّبَا وَأَكْلُ مَالِ الْيَتِيمِ وَالنَّوْلي يَوْمَ الرَّحْفِ وَقَذْفُ الْمُحْصَنَاتِ الْمُؤْمِنَاتِ الْغَافِلَاتِ

Bermaksud: Jauhilah tujuh dosa yang membinasakan. Mereka (para sahabat) bertanya, “Apakah dosa-dosa itu wahai RasulAllah?” Jawab Baginda: “Melakukan syirik terhadap Allah, mengamalkan sihir, membunuh orang yang diharamkan Allah membunuhnya kecuali dengan kebenaran, makan riba, makan harta anak yatim, cabut lari meninggalkan medan peperangan, dan menuduh perempuan-perempuan mu'mināt yang baik-baik dan terpelihara kesuciannya berzina. (Hadits riwayat Bukhāri, Muslim).

Dua kesalahan yang menyebabkan mereka berdua disiksa itu pun besar juga tetapi tidaklah sebesar dosa-dosa tersebut tadi.

Inilah pendapat ad-Daudi, Ibnu al-'Arabi dan lain-lain.

(3) Dua dosa yang menyebabkan mereka disiksa itu pada anggapan mereka tidak besar, padahal ia besar.

(4) Dua dosa itu besar tetapi memelihara diri daripadanya tidaklah payah dan sukar sangat. Inilah pendapat al-Khatthābi, al-Baghawi, Ibnu Daqq al-'Id dan sekumpulan 'ulama'.

(5) Pada pandangan orang-orang yang ditunjukkan sabda Baginda tersebut, kesalahan dua orang yang disiksa di dalam kubur mereka masing-masing itu tidak besar, sedangkan ia di sisi Allah adalah besar. Keadaannya seperti apa yang difirmankan Allah di dalam al-Quran:

وَتَحْسَبُونَهُ هَيِّئًا وَهُوَ عِنْدَ اللَّهِ عَظِيمٌ

Bermaksud: ...dan kamu menyangkanya perkara kecil, pada hal ia di sisi Allah adalah perkara yang besar dosanya. (an-Nūr:15).

(6) Dosa yang dilakukan oleh dua orang yang disiksa di dalam kubur itu tidaklah besar sangat, tetapi ia menjadi besar apabila dilakukan secara berterusan dan telah menjadi tabi'at mereka. Buktinya ialah Rasulullah s.a.w. telah menggunakan sīghah fi'il mādhi istimrāri ketika menggambarkan kesalahan mereka dalam sabdanya. فَكَانَ لَا

فَكَانَ يَمْشِي بِالنَّمِيمَةِ dan يَسْتَتِرُ. Sīghah fi'il mādhi istimrāri memanglah pada kebiasaannya menunjukkan selalu berlaku atau melakukan pada masa yang lalu.

(7) Terkena percikan air kencing itu sendiri sama ada pada kain atau mana-mana bahagian tubuh, bukanlah satu dosa besar. Seseorang boleh saja (harus) melakukan sesuatu kerja yang tidak memerlukan keadaan suci tanpa berdosa sedikit pun, walaupun kain atau pahanya berlumuran air kencing, darah dan najis-najis lain seumpamanya.

Akan tetapi apabila ia bersembahyang dalam keadaan itu, barulah ada dosa besar. Kerana sembahyang menghendaki keadaan suci, suci adalah syarat untuk sahnya. Sembahyang dalam keadaan tidak suci bukan sahaja menyebabkan ia tidak sah, bahkan menyebabkan seseorang yang mengerjakannya berdosa besar.

(8) Jika dilihat kepada permulaannya, maka kesalahan mereka tidaklah besar, tetapi jika dilihat kepada kesudahan dan akibatnya, maka ia amatlah besar. Kerana air kencing yang tidak dipedulikan itu menyebabkan tubuh atau kain yang dipakai menjadi najis. Apabila dalam keadaan najis seseorang bersembahyang, maka sembahyangnya tidak sah. Dia seperti tidak bersembahyang dan tidak ternunailah kewajiban yang ditanggungnya. Kerana tidak bersembahyanglah sebenarnya menyebabkan mereka berdosa besar dan kerana dosa besarlah mereka disiksa.

Demikian juga dengan mengacum. Pada zahirnya tidak kelihatan apa-apa kesannya yang ketara, tetapi jika dilihat kepada akibatnya, maka besar sekali akibatnya. Kerana acumanlah berlaku kebanyakan perbalahan dan pergaduhan. Kemuncaknya adalah peperangan. Apabila berlaku perang banyaklah berlaku pembunuhan dan pertumpahan darah. Kerana membawa kepada perbalahan, pergaduhan, pembunuhan dan pertumpahan darahlah mengacum menjadi dosa besar.

⁶²⁷ Maksud tidak memelihara diri daripada air kencing ialah tidak menjaganya daripada terkena kain atau seluar yang dipakai atau terkena mana-mana bahagian tubuh, khususnya bahagian paha yang berhampiran dengan kemaluan (tempat keluar air kencing).

⁶²⁸ Maksud mengacum ialah mengadu domba atau memperlagakan seseorang dengan seseorang yang lain atau sesuatu golongan dengan sesuatu golongan yang lain. Membawa percakapan seseorang kepada orang lain dengan cara yang boleh menimbulkan kemarahan dan perbalahan di antara mereka juga termasuk dalam mengacum.

Inti Sari Hadits

(1) Hadits ini menunjukkan najisnya air kencing manusia. Tiada khilaf di kalangan 'ulama' tentang kenajisan air kencing manusia. Adapun air kencing binatang, maka masih terdapat khilaf 'ulama' mengenainya.

(2) Kewajiban memelihara diri daripada terkena air kencing sendiri atau air kencing orang lain. Orang yang bermudah-mudah dalam perkara ini telah disiksa di dalam kuburnya. Itulah yang diceritakan oleh Rasulullah s.a.w. di dalam hadits ini.

(3) Sikap bermudah-mudah dan tidak ambil peduli terhadap air kencing adalah satu dosa besar. Ia tersebut dengan jelas di dalam hadits riwayat al-Bukhāri. Baginda bersabda: **وإنه لكبير** (sesungguhnya ia adalah dosa besar).

(4) Kewajiban menghilangkan najis atau membersihkan diri daripadanya. Sesetengah `ulama' berpendapat kewajiban itu khusus dengan waktu hendak sembahyang atau lain-lain ibadat yang disyaratkan suci ketika mengerjakannya.

(5) Mengacum juga merupakan dosa besar. Ia haram berdasarkan nas dan ijma' ummat. Allah berfirman:

وَنِلَّ لِكُلِّ هُمَزَةٍ لُّزْمَةٌ ۝

Bermaksud: Kecelakaanlah bagi setiap pengumpat lagi pencela, (al-Humazah:1).

هَمَّازٍ مَّشَّاءٍ بِنَمِيمٍ ۝

Bermaksud: Yang suka mencaci, lagi yang suka mengacum (menyebarkan fitnah hasutan untuk memecah belahkan orang ramai), (al-Qalam:11).

Nabi s.a.w. juga bersabda:

لَا يَدْخُلُ الْجَنَّةَ قَتَّاتٌ (وَفِي لَفْظٍ) نَمَّامٌ

Bermaksud: Tidak akan masuk syurga pengacum (dalam satu riwayat lain) pengadu domba. (Ĥadīts riwyat Bukhāri, Muslim, Aĥmad, Abu Daud, Tirmidzi, Nasā'i dan lain-lain).

(6) Hadits ini juga membuktikan adanya azab kubur atau azab di alam Barzakh. Inilah pegangan dan `aqidah Ahlu as-Sunnah Wa al-Jama'ah.

(7) Hadits ini juga menggambarkan salah satu sifat istimewa Rasulullah s.a.w. iaitu sangat bersimpatinya Baginda terhadap umatnya. Apabila mengetahui ada dua orang daripada umatnya sedang disiksa, Beliau dengan segera memberikan syafa'atnya kepada mereka.

(8) Ia juga membuktikan adanya syafa'at Nabi s.a.w. di dunia ini.

(9) Hadits ini juga membuktikan adanya mu'jizat Nabi s.a.w. Allah telah memberitahu dan memperdengarkan kepada Baginda siksaan yang dialami orang yang telah mati dan dikebumikan, sedangkan orang-orang lain yang ada bersamanya tidak mendengar apa-apa dan tidak mengetahui apa-apa pun tentangnya. Inilah yang dinyatakan oleh Allah di dalam al-Qur'an menerusi firmanNya:

عَلِيمُ الْغَيْبِ فَلَا يُظْهِرُ عَلَى غَيْبِهِ أَحَدًا ۝ إِلَّا مَنِ ارْتَضَىٰ مِنْ رَسُولٍ فَإِنَّهُ يَسْلُكُ مِنْ بَيْنِ يَدَيْهِ وَمِنْ خَلْفِهِ رَصَدًا

٢٧

Bermaksud: Tuhanlah sahaja yang mengetahui segala yang ghaib, maka Ia tidak memberitahu perkara ghaib yang diketahuiNya itu kepada sesiapa pun, (26) -

Melainkan kepada mana-mana Rasul yang di redaiNya (untuk mengetahui sebahagian dari perkara ghaib yang berkaitan dengan tugasnya; apabila Tuhan hendak melakukan yang demikian), maka Ia mengadakan di hadapan dan di belakang Rasul itu malaikat-malaikat yang menjaga dan mengawasnya (sehingga perkara ghaib itu selamat sampai kepada yang berkenaan). (27). (al-Jinn:26-27).

(10) Kewajiban beristinja' (membersihkan diri daripada air kecil dan air besar).

Abu `Isa berkata: “Berhubung dengan bab (perkara) ini ada juga riwayat daripada Abi Hurairah,<sup>629</sup> Abi Musa,<sup>630</sup> `Abdir Rahmān bin Ḥasanah,⁶³¹ Zaid bin Tsābit⁶³² dan Abi Bakrah.⁶³³

Beliau (Abu `Isa juga) berkata: “Ini adalah hadits hasan sahih.”⁶³⁴

Manshūr (bin al-Mu`tamir) meriwayatkan hadits ini daripada Mujāhid, daripada Ibnu `Abbās, tetapi dia tidak menyebutkan daripada Thāwūs. Hadits riwayat al-A`masy lebih sahih.⁶³⁵

⁶²⁹ Hadits Abu Hurairah dikemukakan oleh Aḥmad, Ibnu Majah, Ibnu Abi Syaibah, ad-Dāraquṭhni, al-Ḥākim dan at-Thaḥāwi di dalam Syarḥ Musykil al-Aatsār secara marfū` dengan lafaz:

أَكْثَرُ عَذَابِ الْقَبْرِ مِنْ الْبَوْلِ

Bermaksud: “Kebanyakan azab kubur kerana air kencing.”

Al-Ḥākim berkata, “Hadits ini sahih menurut syarat Bukhāri dan Muslim. Saya tidak mengetahui ada apa-apa `illatnya.” Kata al-Mundziri, “Benar seperti katanya.”

⁶³⁰ Hadits Abu Musa dikemukakan oleh Bukhāri, Muslim, Aḥmad al-Ḥākim dan lain-lain.

⁶³¹ Hadits `Abdur Rahmān bin Ḥasanah dikemukakan oleh Abu Daud, Nasā`i, Aḥmad, Ibnu Majah dan Ibnu Ḥibbān di dalam Shaḥīḥnya.

⁶³² Hadits Zaid bin Tsābit dikemukakan oleh Muslim, Aḥmad, Ibnu Abi Syaibah, at-Thaḥāwi di dalam Musykil al-Aatsār dan at-Thabarāni di dalam al-Mu`jam al-Kabīr.

⁶³³ Hadits Abu Bakrah dikemukakan oleh Aḥmad dan at-Thabarāni di dalam al-Mu`jam al-Ausath. Ma`nanya sama dengan hadits Ibnu `Abbās yang dikemukakan oleh at-Tirmidzi di atas.

⁶³⁴ Selain Tirmidzi, Bukhāri, Muslim, Abu Daud, Nasā`i, Ibnu Majah dan lain-lain juga meriwayatkannya.

⁶³⁵ Maksudnya ialah riwayat A`masy dengan menyebutkan Thāwūs di antara Mujāhid dan Ibnu `Abbās lebih sahih daripada riwayat Manshūr. Di dalam perenggan berikutnya Imam Tirmidzi menjelaskan kenapa riwayat A`masy lebih sahih daripada riwayat Manshūr.

Tindakan imam Tirmidzi mentarjihkan riwayat A`masy daripada riwayat Manshūr dalam kesahihannya menunjukkan para `ulama` hadits tidak sentiasa mentarjihkan sanad `aali (sanad yang tinggi) daripada sanad nāzil (sanad yang rendah). Sanad riwayat A`masy menurut istilah hadits dipanggil *مزید فی متصل الإسناد*.

Imam Bukhāri di dalam Sahihnya meriwayatkan hadits ini melalui kedua-dua saluran tersebut.

Kata Ḥāfiz Ibnu Ḥajar di dalam Fathul Bāri, “Perbuatan Bukhāri itu menunjukkan kedua-duanya sahih bagi beliau. Seharusnya difahami bahawa Mujāhid mula-mula

Beliau (Abu 'Isa at-Tirmizi selanjutnya) berkata: "Aku mendengar Abu Bakr Muhammad bin Abān al-Balkhi⁶³⁶ -orang yang diminta oleh Wakī' supaya menuliskan untuknya- berkata: "Al-A'masy lebih hafal sanad Ibrahim (bin Yazid an-Nakha'i) daripada Manshūr (bin al-Mu'tamir)."⁶³⁷

telah mendengarnya daripada Thāwūs daripada Ibnu 'Abbās, kemudian beliau mendengarnya pula daripada Ibnu 'Abbās sendiri tanpa perantaraan, atau sebaliknya. Antara yang menyokong pandangan yang dikemukakan tadi ialah di dalam riwayat yang terdapat Thāwūs ada tambahan yang lebih daripada riwayat beliau sendiri daripada Ibnu 'Abbās. Ibnu Hībbān dengan jelas mengatakan kedua-dua saluran riwayat itu sahih. Tirmidzi pula berpendapat riwayat A'masy lebih sahih."

Menurut Maulana al-Mubārakfūrī (Muḥammad 'Abdur Rahmān bin 'Abdir Raḥīm al-Mubārakfūrī m.1353H), Bukhāri juga berpendapat seperti Tirmidzi iaitu riwayat A'masy lebih sahih daripada riwayat Manshūr. Kata Tirmidzi di dalam al-'Ilal, "Aku bertanya Muḥammad (Imam Bukhāri), mana satu daripada dua saluran riwayat itu lebih sahih?" Beliau menjawab riwayat A'masy lebih sahih."

Adanya riwayat Syu'bah bin al-Ḥajjāj daripada al-A'masy seperti riwayat Manshūr tanpa menyebutkan Thāwūs di antara Mujāhid dan Ibnu 'Abbās, menyokong pandangan golongan 'ulama' yang mengatakan kedua-dua saluran riwayat itu sahih.

⁶³⁶ Muḥammad bin Abān al-Balkhi. Laqabnya (nama gelarannya) ialah Ḥamdawaih. Beliau mustamli (juru tulis sesuatu yang diimla'kan kepadanya) Wakī', seorang perawi tsiqah lagi ḥāfiẓh. Muḥammad bin Abān meriwayatkan hadits daripada Ibnu 'Uyainah, Ghundar dan para "ulama'" yang segenerasi dengan mereka berdua. Orang-orang yang meriwayatkan hadits daripadanya pula terdiri daripada tokoh-tokoh seperti Imam Bukhāri, Abu Daud, Tirmidzi, Nasā'i, Ibnu Majah dan lain-lain. Kata Ibnu Hībbān, "Muḥammad bin Abān adalah antara pengumpul dan penulis hadits." Beliau meninggal dunia pada tahun 144H.

⁶³⁷ Sebagai alasan kenapa riwayat A'masy lebih sahih daripada riwayat Manshūr pada pandangan beliau, Imam Tirmidzi mengemukakan kata-kata Abu Bakr Muhammad bin Abān al-Balkhi bahawa al-A'masy lebih hafal isnād Ibrahim (bin Yazid an-Nakha'i) daripada Manshūr (bin al-Mu'tamir).

Soalnya apa ada kena mengena kata-kata Abu Bakr Muhammad bin Abān al-Balkhi itu dengan da'waan Tirmidzi? A'masy dikatakan lebih hafal isnād Ibrahim (bin Yazid an-Nakha'i) daripada Manshūr (bin al-Mu'tamir). Sedangkan riwayat ke-70 ini tidak diterima oleh A'masy dan Manshūr daripada Ibrahim, sebaliknya daripada Mujāhid.

Abu Bakr Muhammad bin Abān al-Balkhi tidak ada berkata, A'masy juga lebih hafal isnād Mujāhid daripada Manshūr. Beliau hanya berkata, A'masy lebih hafal isnād Ibrahim (bin Yazid an-Nakha'i) daripada Manshūr (bin al-Mu'tamir), itu sahaja.

Apakah dengan berkata begitu bererti A'masy juga lebih hafal isnād Mujāhid dan lain-lain daripada Manshūr? Tentu sekali tidak wajar difahami begitu. Maka nukilan Tirmidzi itu nampaknya tidak relevan dikemukakan di sini, kecuali jika dikatakan

54 - Bab Merenjisi Air Pada Air Kencing Bayi Laki-Laki Sebelum Ia Makan (Makanan Selain Susu Ibu).

٧١ - حَدَّثَنَا قُتَيْبَةُ وَأَحْمَدُ بْنُ مَنِيعٍ قَالَا حَدَّثَنَا سُفْيَانُ بْنُ عُيَيْنَةَ عَنْ الزُّهْرِيِّ عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عُثْبَةَ عَنْ أُمِّ قَيْسٍ بِنْتِ مِخْصَنٍ قَالَتْ دَخَلْتُ بِإِبْنِ لِي عَلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لَمْ يَأْكُلْ الطَّعَامَ فَتَالَ عَلَيْهِ فَدَعَا بِمَاءٍ فَرَشَّهُ عَلَيْهِ

قَالَ وَفِي الْبَابِ عَنْ عَلِيٍّ وَعَائِشَةَ وَزَيْنَبَ وَلُبَابَةَ بِنْتِ الْحَارِثِ وَهِيَ أُمُّ الْفَضْلِ بْنِ عَبَّاسٍ بْنِ عَبْدِ الْمُطَّلِبِ وَأَبِي السَّمْحِ وَعَبْدُ اللَّهِ بْنُ عَمْرِو أَبِي لَيْلَى وَابْنِ عَبَّاسٍ.

قَالَ أَبُو عِيسَى وَهُوَ قَوْلُ غَيْرِ وَاحِدٍ مِنْ أَهْلِ الْعِلْمِ مِنْ أَصْحَابِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَالتَّابِعِينَ وَمَنْ بَعْدَهُمْ مِثْلُ أَحْمَدَ وَإِسْحَقَ قَالُوا يُنْضَحُ بَوْلُ الْغُلَامِ وَيُغْسَلُ بَوْلُ الْجَارِيَةِ وَهَذَا مَا لَمْ يَطْعَمَا فَإِذَا طَعِمَا غُسِلَا جَمِيعًا

71 - Qutaibah dan Ahmad bin Manī` meriwayatkan kepada kami, mereka berdua berkata: Sufyan bin `Uyainah meriwayatkan kepada kami daripada az-Zuhri daripada `Ubaidillah bin `Abdillah bin `Utbah daripada Ummi Qais binti Miḥshan,⁶³⁸ kata beliau: “Aku masuk menemui Nabi s.a.w. dengan membawa

penyalin telah tersalah tulis nama Ibrahim di situ, sebenarnya bukan Ibrahim disebut oleh Abu Bakr Muhammad bin Abān al-Balkhi tetapi Mujāhid.

⁶³⁸ **Biodata Ummu Qais Binti Miḥshan**

Hafiz Ibnu Hajar di dalam Fathūl Bāri menukikan kata-kata Ibnu `Abdil Barr bahawa nama sebenar Ummu Qais ialah Judzāmah. As-Suhaili dan Abul Qāsim al-Jauhari pula berkata, nama sebenarnya ialah Aminah.

Ummu Qais adalah adik beradik `Ukāsyah bin Miḥshan al-Asadi. Beliau termasuk salah seorang wanita yang memeluk agama Islam di Mekah pada peringkat awal (di zaman Nabi s.a.w.). Beliau juga terbilang sebagai salah seorang sahabat wanita Nabi s.a.w. yang berhijrah ke Madinah di peringkat awal.

Di dalam Sahih Bukhāri dan Sahih Muslim tidak ada haditsnya selain hadits ke-71 ini dan satu lagi hadits di dalam Kitab at-Thib. Kedua-dua haditsnya mengisahkan tentang anaknya. Boleh dikatakan kebanyakan pengarang kitab-kitab utama hadits mengambil haditsnya. Tetapi haditsnya yang diambil oleh Tirmidzi untuk Kitab Sunannya hanya satu ini sahaja.

bersama anak laki-lakiku⁶³⁹ yang belum makan makanan (masih bayi),⁶⁴⁰ tiba-tiba anakku mengencinginya. Maka Nabi s.a.w. pun meminta supaya diambilkan air, lalu Baginda merenjiskan air itu pada air kencingnya.”⁶⁴¹

⁶³⁹ Anak laki-laki Ummu Miḥshan ini kemudiannya mati ketika masih kecil lagi semasa hayat Rasulullah s.a.w. Namanya tidak diketahui. Demikian kata hafiz ibnu hajar.

⁶⁴⁰ Yang dimaksudkan dengan “belum makan makanan” di sini ialah anak itu belum makan sesuatu sebagai makanan yang mengenyangkannya selain susu ibu, tamar semasa ditahnikkannya dan madu yang diberikan kepadanya sama ada sebagai ubat atau untuk tujuan yang lain. Pendek kata tidak ada makanan lain yang mengenyangkannya selain susu ibu.

Inilah kesimpulan daripada kata-kata Imam an-Nawawi di dalam Syarah Muslim dan Syarah Muḥadzdzab. Demikian juga disebutkan oleh hafiz ibnu hajar, ibnu Qudāmah dan lain-lain ‘ulama’.

Kata ibnu at-Tīn, “Mungkin maksud Ummu Miḥshan dengan katanya: “anak laki-lakiku yang belum makan makanan” itu ialah anaknya belum makan sesuatu sebagai makanan yang mengenyangkannya selain susu ibu. Mungkin juga dia membawa anaknya kepada Nabi s.a.w. ketika ia baru dilahirkan untuk ditahnik oleh Baginda s.a.w. Kalau benar kemungkinan kedua ini, maka penafiannya bererti umum, iaitu ia memang belum makan apa-apa selain susu ibunya.”

⁶⁴¹ Di dalam riwayat Muslim tersebut begini: فَلَمْ يَزِدْ عَلَى أَنْ تَصَحَّ بِالْمَاءِ Maksudnya: “Tidak ada apa yang dilakukan oleh Rasulullah s.a.w. selain merenjisannya.” Ini bererti Nabi s.a.w. tidak membasuhnya seperti membasuh najis-najis yang lain.

Inti Sari Hadits

(1) Hadits ini menunjukkan air kencing bayi yang belum makan apa-apa selain susu ibu juga najis yang wajib dihilangkan. Cuma cara menghilangkannya sahaja berbeza daripada cara menghilangkan najis-najis yang lain. Merenjisanya sahaja dikira sudah memadai untuk menghilangkan kenajisannya.

Kata al-Khatthābi, “Orang yang mengharuskan air kencing bayi seperti itu direnjis sahaja bukanlah kerana ia menganggap air kencing bayi seperti itu tidak najis, tetapi kerana ia menganggapnya sebagai najis yang ringan.”

(2) Ia menyatakan cara menyucikan air kencing bayi seperti itu. Merenjis dan menyimbah air sahaja ke atasnya sudah dikira memadai untuk menyucikannya. Tidak perlu ia dibasuh seperti najis-najis yang lain.

(3) Salah satu sifat mudah dan keterbukaan Islam dapat dilihat melalui hadits ini. Air kencing bayi seperti itu tidak wajib dibasuh dengan agak bersungguh seperti membasuh najis-najis lain. Najisnya dapat dihilangkan dengan hanya merenjis atau menyimbahnya sahaja.

(4) Di dalamnya terdapat panduan bermesra dengan masyarakat, berlemah lembut dengan mereka dan bersifat dengan sifat merendahkan diri dalam pergaulan hidup.

Beliau (tirmizi) berkata: “Dalam bab ini ada juga riwayat daripada Ali,⁶⁴² Aisyah,⁶⁴³ Zainab,⁶⁴⁴ Lubābah⁶⁴⁵ binti al-Harits, iaitu Ummu al-Fadhl bin

(5) Di dalamnya juga terdapat pedoman daripada Rasulullah s.a.w. mengenai kasih sayang terhadap kanak-kanak. Lihat bagaimana Rasulullah mengambil anak Ummu Miḥshan yang dibawa kepadanya dan meletakkan anak itu dalam haribaannya.

Apabila anak itu kencing, tidak pula Rasulullah s.a.w. kelihatan marah dan gusar, sebaliknya menampakkan ringannya air kencing bayi seperti itu dan menghilangkannya dengan menyimbahnya sahaja.

(6) Sifat Rasulullah yang tergambar di dalam hadits ini sesuai sekali dengan sifat Baginda yang digambarkan oleh Allah di dalam al-Qur’an:

وَإِنَّكَ لَعَلَىٰ خُلُقٍ عَظِيمٍ ﴿٥١﴾

Bermaksud: Dan bahawa sesungguhnya engkau (wahai Muhammad) mempunyai akhlak yang amat mulia. (al-Qalam:4).

لَقَدْ جَاءَكُمْ رَسُولٌ مِّنْ أَنفُسِكُمْ عَزِيزٌ عَلَيْهِ مَا عَنِتُّمْ حَرِيصٌ عَلَيْكُمْ بِالْمُؤْمِنِينَ رَؤُوفٌ رَّحِيمٌ ﴿٥٢﴾

Bermaksud: Sesungguhnya telah datang kepadamu seorang Rasul dari golongan kamu sendiri (iaitu Nabi Muhammad s.a.w.), berat terasa olehnya penderitaanmu, sangat menginginkan kebaikan bagimu, (dan) dia pula amat belas kasihan lagi penyayang terhadap orang-orang yang beriman. (at-Taubah:128).

(7) Betapa sayangnya para sahabat kepada Rasulullah s.a.w. dan betapa mengharapnya mereka akan keberkatan dan keberuntungan Baginda. Antara buktinya ialah mereka membawakan anak-anak mereka kepada Rasulullah s.a.w. demi mendapatkan keberkatan dan doa kebaikan darinya.

(8) Keelokan mentahnik bayi dan mendapatkan doa keberkatan orang-orang berilmu yang shaleh untuk anak-anak. Mungkin itu juga maksud Ummu Miḥshan pergi menemui Nabi s.a.w. dengan membawa bersama anak laki-lakinya.

‘Aaishah meriwayatkan:

أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ -صلى الله عليه وسلم- كَانَ يُؤْتِي بِالْصَّبْيَانِ فَيَبْرِكُ عَلَيْهِمْ وَيُحَنِّكُهُمْ فَأَتَى بِصَبِيٍّ فَبَالَ عَلَيْهِ فَدَعَا بِمَاءٍ فَأَتْبَعَهُ بَوْلَهُ وَلَمْ يَغْسِلْهُ.

Bermaksud: Sesungguhnya kanak-kanak selalu dibawa kepada Rasulullah s.a.w. Baginda mendoakan keberkatan untuk mereka dan mentahnik mereka. Pernah dibawa seorang bayi kepada Baginda, tiba-tiba bayi itu kencing di atas haribaannya. Maka Baginda meminta dibawa air, lalu tempat terkena air kencing itu disimbahnya. Baginda tidak membasuhnya (seperti membasuh najis-najis yang lain). (Hadits riwayat Muslim).

⁶⁴² Hadits ‘Ali dikemukakan oleh Ahmad dan pengarang-pengarang kitab Sunan kecuali an-Nasā’i. Isnādnya sahih. Lafaznya adalah seperti berikut:

أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ فِي الرَّضِيعِ: "يُنْضَحُ بَوْلُ الْغُلَامِ، وَيُغْسَلُ بَوْلُ الْبَارِيَةِ". قَالَ فَتَادَةُ: "وَهَذَا مَا لَمْ يَطْعَمَا الطَّعَامَ، فَإِذَا طَعِمَا غُسِلَا جَمِيعًا".

Bermaksud: Sesungguhnya Rasulullah s.a.w. bersabda tentang (air kencing) bayi yang sedang menyusu: “Renjislah air kencing bayi laki-laki dan basuhlah air kencing bayi perempuan.”

`Abbās bin `Abdil Mutthalib, Abu as-Samh,⁶⁴⁶ Abdullah bin `Amar,<sup>647</sup> Abu Laila<sup>648</sup> dan Ibnu `Abbās.⁶⁴⁹

Kata Qatādah, “(Hukum) Ini selagi keduanya tidak makan makanan (lain selain susu ibu sebagai makanan yang mengenyangkan), kalau keduanya telah makan, maka air kencing kedua-duanya (hendaklah) dibasuh.”

⁶⁴³ Hadits aisyah dikemukakan oleh Bukhāri, Muslim dan lain-lain. Lafaznya ialah:

أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ -صلى الله عليه وسلم- كَانَ يُؤْتَى بِالصَّبِيِّينَ فَيُرْكَبُ عَلَيْهِمْ وَيَحْنَكُهُمْ فَأَتَى بِصَبِيٍّ فَبَالَ عَلَيْهِ فَدَعَا بِمَاءٍ فَاتَّبَعَهُ بَوْلُهُ وَلَمْ يَغْسِلْهُ.

Bermaksud: Sesungguhnya selalu dibawakan kepada Rasulullah s.a.w. kanak-kanak, Baginda mendoakan keberkatan untuk mereka dan mentahnik mereka. Pernah dibawakan seorang bayi kepadanya, tiba-tiba bayi itu kencing di atas (riba)nya. Maka Baginda meminta supaya dibawakan air, lalu menyimbah tempat yang terkena air kencing itu dengannya.

⁶⁴⁴ Hadits Zainab iaitu Zainab binti Jahsyin isteri Nabi s.a.w. dikemukakan oleh at-thabaraani di dalam al-Mu`jam al-Kabīr dengan panjang lebar. Ia juga dikemukakan oleh `Abdur Razzāq di dalam Mushannafnya dan Imam Bukhāri di dalam at-Tārīkh al-Kabīrnya. Antara yang tersebut di dalamnya ialah:

إِنَّهُ يُصَبُّ مِنَ الْغُلَامِ وَيُغَسَّلُ مِنَ الْجَارِيَةِ

Bermaksud: Sesungguhnya air kencing bayi laki-laki memadai dengan disimbah (sahaja), dan air kencing bayi perempuan (pula) perlu dibasuh.

Di dalam isnādnya terdapat Laits bin Abi Sulaim, seorang perawi dhaif. Kerananya hadits ini dianggap dhaif.

⁶⁴⁵ Hadits Lubābah dikemukakan oleh Aḥmad, Abu Daud, Ibnu Majah, ibnu khuzaimah dan lain-lain. Lafaznya ialah:

قَالَتْ: كَانَ الْحُسَيْنُ بْنُ عَلِيٍّ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ فِي حِجْرِ رَسُولِ اللَّهِ -صلى الله عليه وسلم- فَبَالَ عَلَيْهِ، فَقُلْتُ: الْبَسْ ثَوْبًا وَأَعْطِنِي إِزَارَكَ حَتَّى أَغْسِلَهُ، قَالَ: "إِنَّمَا يُغَسَّلُ مِنْ بَوْلِ الْأُنْثَى وَيُنْضَحُ مِنْ بَوْلِ الذَّكَرِ"

Bermaksud: Kata beliau (Lubābah), “Ḥusain bin `Ali pernah berada di atas ribaan Rasulullah s.a.w. Tiba-tiba ia kencing di atasnya. Aku pun berkata (kepada Rasulullah s.a.w.), “Pakailah kain lain dan berikan kepadaku kainmu itu, biar aku membasuhnya. Maka bersabdalah Baginda: “Hanya air kencing bayi perempuan sahaja perlu dibasuh. Air kencing budak laki-laki (memadai dengan) disimbah sahaja.

⁶⁴⁶ Abu as-Samh adalah maula (hamba bebasan) Nabi s.a.w. dan khadam Baginda. Nama sebenarnya tidak diketahui, beliau hanya dikenali dengan nama panggilan tersebut “Abu as-Samh”. Sesetengah ‘ulama’ mengatakan namanya Iyād. Tidak diketahui Abu as-Samh ini meriwayatkan hadits selain hadits bab ini. Hadits Abu as-Samh yang dimaksudkan itu dikemukakan oleh Abu Daud, Nasā’i, Ibnu Majah dan lain-lain. Di dalamnya tersebut:

يُغَسَّلُ مِنْ بَوْلِ الْجَارِيَةِ، وَيُرْسُ مِنْ بَوْلِ الْغُلَامِ

Bermaksud: Air kencing budak perempuan (perlu) dibasuh, dan air kencing budak laki-laki (memadai dengan) direnjis.

Ini pendapat bukan seorang ahli ilmu, baik dari kalangan sahabat Nabi s.a.w., Tābi`in atau orang-orang setelah mereka, seperti Ahmad dan Ishaq. Mereka berkata: “Air kencing anak laki-laki itu direnjis, sedangkan air kencing anak perempuan pula dibasuh, ini jika keduanya belum makan, jika keduanya telah makan, maka kedua-duanya dibasuh.”⁶⁵⁰

⁶⁴⁷ Hadits `Abdullah bin `Amar dikemukakan oleh at-Thabarāni di dalam al-Mu`jam al-Ausath dengan isnād yang hasan. Lafaznya ialah:

أُتِيَ بِصَبِيٍّ، فَبَالَ عَلَيْهِ، فَتَضَحَّهُ، وَأُتِيَ بِجَارِيَةٍ، فَبَالَتْ عَلَيْهِ، فَغَسَلَهُ

Bermaksud: Dibawakan kepada Nabi s.a.w. seorang bayi laki-laki. Lalu ia kencing di atas Baginda, maka (tempat yang terkena) kencingnya disimbah (sahaja) oleh Baginda, dan dibawakan (juga) kepada Nabi s.a.w. seorang bayi perempuan. lalu ia kencing di atas Baginda, maka (tempat yang terkena) kencingnya dibasuh oleh Baginda.

⁶⁴⁸ Hadits Abu Laila dikemukakan oleh Aḥmad, Ibnu Abi Syaibah, ad-Dārimi, at-Thaḥāwi dan lain-lain dengan sanad yang tidak begitu kuat.

⁶⁴⁹ Hadits ibnu abbaas pula dikemukakan oleh `Abdur Razzāq dan ad-Dāraquthni. Sanadnya dhaif.

⁶⁵⁰ Al-Imam Abu Bakr Ibnu al-Mundzir berkata, “Ahli ilmu berbeda pendapat tentang masalah ini. Sekumpulan `ulama’ berpendapat, “Air kencing bayi laki-laki direnjis (sahaja untuk menghilangkan kenajisannya), selagi ia belum makan apa-apa makanan (selain susu ibu). Air kencing bayi perempuan (perlu) dibasuh (untuk menghilangkan kenajisannya). Inilah yang diriwayatkan daripada `Ali, Ummu Salamah, `Athā’ dan al-Ḥasan. Ini juga pendapat Aḥmad dan Ishaq.

Sekumpulan `ulama’ pula berpendapat, “Air kencing perlu dibasuh untuk menghilangkan kenajisannya, tidak kira sama ada air kencing orang dewasa atau kanak-kanak, laki-laki atau perempuan. Air kencing bayi yang belum makan apa-apa selain susu ibunya juga sama hukumnya, baik bayi laki-laki atau bayi perempuan. Antara tokoh fuqahā’ yang berpendapat begini ialah Ibrahim an-Nakha’i, Sufyan at-Tsauri dan Abu Tsaur.

Ada juga dinukilkan daripada al-Ḥasan dan an-Nakha’i bahawa mereka berpendapat, air kencing bayi laki-laki dan bayi perempuan yang belum makan apa-apa selain susu ibu perlu direnjis sahaja untuk menghilangkan kenajisannya.

Kata Ibnu al-Mundzir, “Berdasarkan hadits Ummu Qais, air kencing bayi laki-laki wajib direnjis dan air kencing bayi perempuan pula (wajib) dibasuh.” (Lihat al-Ausath j.2 m/s 142-143).

Imam an-Nawawi berkata, “Terdapat tiga pendapat `ulama’ mengenai cara menyucikan air kencing bayi laki-laki dan perempuan. Ketiga-tiganya juga merupakan pandangan tokoh-tokoh dalam mazhab Syafi’e.

(1) Pendapat yang sahih, masyhur dan terpilih ialah air kencing bayi laki-laki memadam dengan disiram. Air kencing bayi perempuan pula tidak memadam dengan disiram, bahkan ia mesti dibasuh seperti najis-najis yang lain.

(2) Merenjis air pada air kencing bayi yang belum makan apa-apa selain susu ibu sudah memadam untuk menghilangkan kenajisannya, baik bayi itu laki-laki atau perempuan.

(3) Merenjis atau meyiram air tidak memadam untuk menghilangkan kenajisan air kencing bayi, sama ada laki-laki atau perempuan.

Kedua-dua pandangan yang terakhir ini telah disebut oleh pengarang Kitab at-Tatimmah dan lain-lain dari kalangan ash-hāb kita (tokoh-tokoh dalam mazhab Syafi'e).

Antara orang yang membezakan cara menghilangkan najis air kencing bayi laki-laki dan perempuan ialah 'Alī bin Abi Thālib, 'Athā' bin Abi Rabāh, al-Ḥasan al-Bashri, Aḥmad bin Ḥambal, Ishaq bin Rāhawaih, sekumpulan 'ulama' Salaf, ash-hāb al-ḥadīth (Ahlul Ḥadīth), Ibnu Wahab dari kalangan murid-murid Malik dan ada juga diriwayatkan daripada (Imam) Abi Ḥanīfah.

Antara orang yang berpendapat wajib dibasuh air kencing bayi laki-laki dan perempuan kedua-duanya ialah Abu Ḥanīfah dan Malik menurut pendapat yang masyhur dinukilkan daripada mereka berdua. Demikian juga pendapat Ahlul Kūfah.

Kata Ibnu Daqīq al-'Id, "Mereka pakai qias dalam masalah ini. Mereka juga menta'wil apa yang tersebut di dalam hadith dengan lafaz: ولم يغسله (dan Baginda tidak membasuhnya). Kata mereka, itu bermaksud, Nabi s.a.w. tidak membasuhnya dengan bersungguh-sungguh.

Sedangkan ta'wilan mereka itu menyalahi zahir (hadith).

Apa yang tersebut di dalam hadith-hadith lain tentang adanya perbezaan dalam cara membasuh air kencing bayi laki-laki dan perempuan, semuanya menolak pandangan mereka. Kerana mereka tidak membezakannya. (Lihat Syarḥ Muslim an-Nawawi j.3 m/s195, Fathul Bāri j.1 m/s 391).

Beberapa Perhatian Dan Peringatan Berkaitan Dengan Hadith Ini:

(1) Imam an-Nawawi juga berkata, "Khilaf yang berlaku dalam masalah ini hanyalah tentang cara membersihkan sesuatu yang terkena air kencing bayi laki-laki yang belum memakan sesuatu sebagai makanan yang mengenyangkannya selain susu ibu. Adapun tentang kenajisan air kencing itu, maka tidak ada khilaf tentangnya. Sesetengah tokoh dalam mazhab kita (mazhab Syafi'e) bahkan menukulkan ijmā' para 'ulama' tentang kenajisan air kencing bayi laki-laki seperti itu pun. Tidak ada orang yang menyalahinya selain Daud az-Zhāhiri.

Kata al-Khatthābi, "Orang yang mengharuskan air kencing bayi seperti itu direnjis sahaja bukanlah kerana ia menganggap air kencing bayi seperti itu tidak najis, tetapi kerana ia menganggapnya sebagai najis yang ringan." Inilah pendapat yang betul.

Apa yang dinukilkan oleh Abul Ḥasan Ibnu Batthāl dan kemudiannya oleh Qādhī 'Iyādh daripada Syafi'e dan lain-lain bahawa mereka berpendapat air kencing bayi seperti itu suci, kerana itulah ia hanya direnjiskan sahaja, tidak benar sama sekali nukilkan itu.

(2) Tokoh-tokoh fuqahā' mazhab Syafi'e berbeda pendapat tentang maksud renjis atau simbah air ke atas tempat yang terkena air kencing kanak-kanak seperti itu. Sebanyak manakah air diperlukan untuk membersihkannya?

Sebahagian mereka berpendapat, air yang disimbah jika diperah tidak akan menitis. Sekadar itu pun sudah memadai.

Sebahagian yang lain pula berpendapat, air yang direnjis atau disimbah hendaklah agak banyak sehingga melebihi air kencing bayi itu sendiri, tetapi tidaklah sampai ia mengalir atau menitis dengan banyak seperti yang diperlukan ketika membasuh najis-najis yang lain.

Kata mereka, itulah maksud نضح (simbah) atau رش (renjis) yang tersebut di dalam hadith-hadith. Basuh atau غسل dalam erti kata sebenarnya seperti ketika membasuh najis-najis yang lain tidaklah dikehendaki, kerana ia dinafikan dengan kata: ولم يغسله yang bermaksud: dan Nabi s.a.w. tidak membasuhnya.

(3) Simbah atau renjis itu memadai hanya untuk menghilangkan kenajisan air kencing bayi yang belum makan makanan lain sebagai makanan yang mengenyangkannya selain susu ibu. Adapun kalau ia telah makan makanan lain sebagai makanan yang mengenyangkannya, maka tidak ada cara lain untuk menghilangkan kenajisannya melainkan dengan membasuhnya seperti membasuh najis-najis yang lain. Membasuhnya adalah suatu yang wajib tanpa ada khilaf di kalangan 'ulama'.

(4) Para 'ulama' juga cuba menyelami hikmat di sebalik perbezaan di antara cara menghilangkan najis air kencing bayi laki-laki dan bayi perempuan. Kenapa kenajisan air kencing bayi perempuan tidak dapat dihilangkan seperti air kencing bayi laki-laki? Kenapa air kencing bayi perempuan yang belum makan apa-apa makanan selain susu ibu juga perlu dibasuh seperti najis-najis lain dan tidak memadai dengan disimbah atau direnjiskan sahaja seperti air kencing bayi laki-laki?

Di bawah ini dikemukakan beberapa pandangan yang telah diberikan oleh para 'ulama' berhubung dengan hikmahnya:

(1) Kebanyakan orang lelaki dan perempuan lebih suka membawa bayi laki-laki ke dalam majlis-majlis mereka, khususnya dalam masyarakat 'Arab di zaman Rasulullah s.a.w. Apabila bayi dibawa ke mana-mana, maka terdedahlah mereka kepada kencing bayi yang tidak menentu.

Dalam keadaan itu kewajiban membasuh kencingnya seperti najis-najis lain setiap kali ia kencing tentu sekali menyusahkan. Sedangkan ia sudah merupakan sesuatu yang tidak dapat dikawal dan dielakkan dengan mudah, bahkan telah termasuk dalam perkara عموم البلوى. Antara keistimewaan hukum Islam ialah terdapat di dalamnya konsep tidak menyusahkan penganutnya (رفع الحرج). Dan supaya tidak menyusahkan, maka diringankanlah cara menghilangkan kenajisannya.

(2) Air kencing bayi laki-laki tidak tumpah setempat, sebaliknya ia terpecar-pencar. Adakalanya ia memanjang dan bertaburan ke merata tempat. Berbeza keadaannya dengan air kencing bayi perempuan yang tumpah boleh dikatakan setempat sahaja. Jika diwajibkan membasuh setiap bahagian tempat yang terkena air kencing bayi laki-laki, tentulah menyusahkan. Kerana itulah hukum menghilangkan kenajisannya diringankan.

55 - Bab Air Kencing Binatang Yang (Halal) Dimakan Dagingnya.

٧٢ - حَدَّثَنَا الْحَسَنُ بْنُ مُحَمَّدٍ الرَّعْفَرَانِيُّ حَدَّثَنَا عَفَّانُ بْنُ مُسْلِمٍ حَدَّثَنَا حَمَّادُ بْنُ سَلَمَةَ حَدَّثَنَا حُمَيْدٌ وَقَتَادَةُ وَثَابِتٌ عَنْ أَنَسٍ أَنَّ نَاسًا مِنْ غُرَيْنَةَ قَدِمُوا الْمَدِينَةَ فَاجْتَوَوْهَا فَبَعَثَهُمْ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي إِبِلِ الصَّدَقَةِ وَقَالَ اشْرَبُوا مِنْ أَلْبَانِهَا وَأَبْوَالِهَا فَقَتَلُوا رَاعِي رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَاسْتَأْفُوا الْإِبِلَ وَارْتَدُّوا عَنْ الْإِسْلَامِ فَأَتَى بِهِم النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَطَعَ أَيْدِيَهُمْ وَأَرْجُلَهُمْ مِنْ خِلَافٍ وَسَمَرَ أَعْيُنَهُمْ وَالْقَاهُمْ بِالْحَرَّةِ قَالَ أَنَسٌ فَكُنْتُ أَرَى أَحَدَهُمْ يَكْدُ الْأَرْضَ بِفِيهِ حَتَّى مَاتُوا وَرَبَّمَا قَالَ حَمَّادٌ يَكْدُمُ الْأَرْضَ بِفِيهِ حَتَّى مَاتُوا قَالَ أَبُو عِيْسَى هَذَا حَدِيثٌ حَسَنٌ صَحِيحٌ وَقَدْ رَوَى مِنْ غَيْرِ وَجْهٍ عَنْ أَنَسٍ وَهُوَ قَوْلُ أَكْثَرِ أَهْلِ الْعِلْمِ قَالُوا لَا بَأْسَ بِبَوْلِ مَا يُؤْكَلُ لَحْمُهُ

72- Al-Hasan bin Muhammad az-Za'farāni meriwayatkan kepada kami, katanya: `Affān bin Muslim meriwayatkan kepada kami, katanya: Ḥammād bin Salamah meriwayatkan kepada kami, katanya: Ḥumaid, Qatādah dan Tsabit meriwayatkan kepada kami daripada Anas, beliau berkata: “Beberapa orang dari puak `Urainah⁶⁵¹ datang ke Madinah, lalu mereka tidak suka berada di Madinah.⁶⁵² Maka Rasulullah s.a.w. pun mengirim mereka ke (tempat) unta

(3) Air kencing bayi perempuan lebih keras dan lebih hancing berbanding air kencing bayi laki-laki. Sebabnya ialah mizaj tubuh lelaki lebih panas dan kering berbanding mizaj tubuh wanita yang sejuk dan kelembapan. Kepanasan mizaj lelaki itulah yang mengurangkan sedikit bau air kencingnya. Lebih-lebih lagi air kencing bayi yang makanannya hanyalah susu ibunya.

⁶⁵¹ Di dalam sesetengah riwayat di tempat perkataan `Urainah ini tersebut perkataan `Ukl. Di dalam salah satu riwayat Bukhāri tersebut عرينة و عكل من dengan huruf wau `athaf di antara dua lafaz tersebut. Di dalam satu riwayat lain pula tersebut من عكل أو (أو) dengan lafaz syak. Di dalam sesetengah riwayat pula tersebut: إن رهطاً من عكل ثمانية (sekumpulan lapan orang puak `Ukl).

Para `ulama' berkata, sebenarnya mereka terdiri daripada lapan orang. Empat orang dari qabilah `Urainah, tiga orang dari qabilah `Ukl dan seorang lagi dari qabilah lain. Dengan mengatakan begitu semua riwayat-riwayat tentangnya dapat dijama' (diterima semuanya).

⁶⁵² Pada asalnya perkataan اجتوى (البلد) bererti tidak suka berada di sesuatu negeri atau tempat kerana sesuatu sebab. Ada `ulama' mengertikan اجتووها itu dengan “mereka mendapati keadaan kesihatan mereka tidak sesuai dengan cuaca Madinah”. Ada juga `ulama' mengatakan اجتووها itu bererti mereka ditimpa semacam penyakit perut yang

zakat. Beliau s.a.w. bersabda: “Minumlah kamu susu dan air kencingnya.”⁶⁵³
Lalu mereka membunuh penggembala⁶⁵⁴ Rasulullah s.a.w. dan menggiring

dipanggil مرض الجوى, menyebabkan perut mereka menjadi kembung dan buncit luar biasa, mereka juga berasa amat dahaga. Mungkin juga ia penyakit busung.

Berdasarkan satu riwayat Bukhāri, di tempat perkataan اجتوها itu tersebut perkataan استوخموا المدينة. استوخم المكان bererti tidak selesa berada di sesuatu tempat atau mendapati sesuatu tempat tidak sesuai di diami.

⁶⁵³ Di sebalik potongan sabda Nabi s.a.w. ini terdapat dua hukum fiqh yang sangat luas perbincangannya. Para ‘ulama’ terbahagi kepada dua golongan dalam menyimpulkan hukum daripadanya, iaitu hukum air kencing binatang yang dagingnya halal di makan. Adakah ia najis atau tidak? Dan hukum berubat dengan bahan-bahan (ubat) yang haram.

Pertama, berhubung dengan air kencing binatang yang dagingnya halal dimakan:

(1) Menurut Imam Malik, Sufyān ats-Tsauri, Muhammad bin al-Ḥasan asy-Syaibāni, Zufar, Aḥmad bin Ḥambal (menurut satu riwayat yang masyhur daripada beliau), al-Auzā’i, Ibnu al-Mundzir dan lain-lain, ia tidak najis, demikian juga tahinya. Itu juga pendapat tokoh-tokoh besar hadits seperti Bukhāri, Tirmidzi, Nasā’i, Ibnu Khuzaimah, Ibnu Ḥibbaan dan lain-lain. Antara yang berpendapat demikian di kalangan para Tābi’īn ialah asy-Sya’bi, ‘Athā’, an-Nakha’i, az-Zuhri, Ibnu Sīrīn, al-Ḥakam dan lain-lain. Pendapat segolongan tokoh-tokoh besar dalam mazhab asy-Syāfi’i, seperti al-Ishtakhri, ar-Rūyāni dan lain-lain juga demikian.

(2) Menurut Imam Abu Ḥanīfah, asy-Syāfi’i, Abu Yusuf, Abu Tsaur, Aḥmad bin Ḥambal (menurut satu riwayat yang lain daripada beliau), dan sekumpulan ‘ulama’ yang lain, semua air kencing najis. Sama ada air kencing manusia, air kencing binatang yang halal di makan atau yang tidak halal di makan. Demikian juga dengan tahinya. Hafiz Ibnu Hajar mengatakan ini adalah pendapat jumhur ‘ulama’.

Imam Abu Hanifah bagaimanapun menganggap najisnya adalah najis ringan, disebabkan terdapatnya dalil-dalil yang membawa kepada timbulnya khilaf para fuqaha’ mengenainya.

Terdapat beberapa dalil berupa hadits yang menjadi pegangan Imam Malik dan orang-orang yang sependapat dengannya berhubung dengan ketidaknajisan air kencing binatang yang halal di makan. Antaranya:

(1) Hadits ke-72 di atas. Sabda Nabi s.a.w. berupa perintah terhadap puak-puak ‘Urainah dan ‘Ukl supaya mereka meminum susu dan air kencing unta itu adalah jelas. Kalau air kencing unta atau binatang yang halal di makan najis, tentu Nabi s.a.w. tidak akan menyuruh mereka meminumnya.

(2) Dalil kedua mereka ialah sabda Rasulullah s.a.w.: صَلُّوا فِي مَرَابِضِ الْغَنَمِ Bermaksud: bersembahyanglah kamu di kandang kambing. (Hadits riwayat Bukhāri, Aḥmad, Tirmidzi, at-Thabarāni, Ibnu Ḥibbān, Ibnu Khuzaimah dan lain-lain).

Sebagaimana diketahui umum, kandang kambing adalah tempat yang tidak terpelihara daripada air kencing dan tahi kambing dengan banyak sekali, walaupun begitu Nabi s.a.w. menyuruh juga para sahabatnya bersembahyang di situ. Kalau air kencing dan

tahi kambing memang najis, tentu Baginda tidak menyuruh mereka bersembahyang di kandang kambing. Hadits ini menunjukkan selain air kencing binatang yang halal dimakan, tahinya juga tidak najis.

(3) Rasulullah s.a.w. sendiri berdasarkan riwayat anas bersembahyang di kandang kambing. Kata anas: *صلى الله عليه وسلم- كَانَ يُصَلِّي فِي مَرَابِضِ الْغَنَمِ* Bermaksud: Sesungguhnya Nabi s.a.w. selalu bersembahyang di kandang kambing. (Hadits riwayat Tirmidzi). Di dalam kebanyakan riwayat tersebut tambahan selepasnya begini: *قَبْلَ أَنْ يُبْنَى الْمَسْجِدُ* Bermaksud: sebelum dibina masjid (Nabi s.a.w.) ini. (Lihat riwayat Bukhāri, Muslim dan lain-lain).

(4) Rasulullah s.a.w. bertawaf di Baitillah dengan menaiki untanya. Padahal unta mungkin saja kencing atau berak di mana-mana, termasuk di dalam masjid. Apabila Baginda tidak kisah terhadap kemungkinan itu, menunjukkan air kencing binatang yang halal dimakan atau tahinya tidak najis. Kalau ia najis, tentulah Nabi s.a.w. telah mengambil langkah berjaga-jaga dengan tidak memasukkan untanya ke dalam masjid.

(5) Orang-orang Islam semenjak zaman Salaf lagi telah menggunakan lembu atau unta untuk mengirik bijirin mereka (supaya terpisah dari tangkainya). Semasa mengirik, bijirin selalu terdedah kepada air kencing atau tahi binatang seperti itu. Namun tidak ada pula larangan tentangnya. Semua ini menunjukkan air kencing dan tahi binatang yang halal di makan tidak najis.

(6) Segala benda pada asalnya hendaklah dianggap suci. Seseorang tidak harus menganggap sesuatu benda najis kecuali apabila ada dalil yang terang menunjukkan ia najis. Dalam masalah ini tidak ada dalil terang tentang najisnya air kencing dan tahi binatang yang halal di makan, sama ada berupa nas, *ijmā'* atau pun qias yang sahih.

(7) Berhubung dengan air kencing dan tahi binatang yang dagingnya tidak halal dimakan pula, kenapakah mereka membezakan hukumnya daripada hukum air kencing dan tahi binatang yang halal dimakan, dan kenapa mereka menganggapnya najis?

Jawapan mereka ialah kerana adanya hadits-hadits tentang kenajisannya. Antaranya ialah:

(i) Hadits-hadits Rasulullah s.a.w. yang memerintahkan supaya menjaga diri daripada terkena air kencing sendiri. Atau seperti hadits yang menceritakan ada orang yang disiksa di dalam kuburnya kerana tidak memelihara diri daripada air kencing sendiri. Itu tidak kerana lain melainkan kerana kenajisannya. Hadits itu telah pun berlalu pada nombor 70 yang tersebut di bawah bab ke-53 sebelum ini.

Manusia adalah makhluk yang tidak halal dimakan. Hukum air kencing dan tahinya najis. Maka begitu juga dengan binatang-binatang lain yang tidak halal dimakan. Semuanya diqiaskan dengan manusia daripada segi *'illat* tidak halal dimakan.

(ii) Di dalam satu hadits tersebut bahawa ketika dibawa kepada Rasulullah s.a.w. seketul tahi binatang yang telah kering untuk kegunaan beliau beristinja', beliau menolaknya dengan bersabda: *إِنهَا رَكْسٌ، إِنهَا رَوْثَةُ حِمَارٍ* Bermaksud: Sesungguhnya ia kotor, ia adalah tahi himar (keledai). (Hadits riwayat Ibnu Khuzaimah).

Nabi s.a.w. tidak mahu menerimanya dengan alasan ia kotor kerana ia tahi himar. Sabda Baginda ini kata mereka, menunjukkan air kencing dan tahi binatang yang tidak halal dimakan adalah najis.

Sekarang penulis kemukakan pula dalil-dalil dan hujah-hujah yang menjadi pegangan golongan 'ulama' yang mengatakan air kencing, tidak kira sama ada air kencing manusia atau binatang semuanya najis. Binatang itu pula sama ada yang halal dimakan atau tidak halal dimakan. Demikian juga dengan tahi semua yang tersebut itu. Semuanya najis.

Di bawah ini adalah hujah-hujah mereka:

(1) Salah satu ajaran pokok dalam agama Islam ialah menjaga kebersihan. Islam sangat menekankan kebersihan dalam segala perkara, baik dalam perkara zahir mahupun batin. Akidah batil orang-orang musyrikin dikatakan kotor. Padahal ia adalah suatu yang tidak nyata kekotorannya. Allah berfirman:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِنَّمَا الْمُشْرِكُونَ نَجَسٌ فَلَا يَقْرَبُوا الْمَسْجِدَ الْحَرَامَ بَعْدَ عَامِهِمْ هَذَا وَإِنْ خِفْتُمْ عَيْلَةً فَسَوْفَ يُغْنِيكُمُ اللَّهُ مِنْ فَضْلِهِ إِن شَاءَ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ حَكِيمٌ ﴿٣٨﴾

Maksudnya: Wahai orang-orang yang beriman! Sesungguhnya (kepercayaan) orang-orang kafir musyrik itu najis, oleh itu janganlah mereka menghampiri Masjid Al-Haraam sesudah tahun ini; dan jika kamu bimbangkan kepapaan, maka Allah akan memberi kekayaan kepada kamu dari limpah kurniaNya, jika Dia kehendaki. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana. (at-Taubah:28).

(2) Berhubung dengan kebersihan zahir pula Allah berfirman:

وَيَبَاكَ فَطَهِّرْ ﴿٤١﴾

Maksudnya: Dan pakaianmu, maka hendaklah engkau bersihkan (al-Muddatsir:4).

Allah juga berfirman:

إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُتَوَّيْنِ وَيُحِبُّ الْمُتَطَهِّرِينَ ﴿٣٧﴾

Maksudnya: Sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang banyak bertaubat, dan mengasihi orang-orang yang sentiasa mensucikan diri. (al-Baqarah:222).

(3) Antara prinsip ajaran Islam ialah mengelakkan diri daripada segala bentuk kekotoran. Kerana kekotoran itu adalah suatu yang menjijikkan. Dan segala benda yang haram itu memang menjijikkan. Pada hakikatnya ia memang kotor. Sama ada baunya, rupanya atau rasanya, pasti tidak disukai pancaindera manusia yang normal. Itulah sebabnya Islam mengharamkan persetubuhan pada ketika isteri sedang berhaidh. Kerana ia pada ketika itu dalam kekotoran. Padahal persetubuhan dengan isteri pada asalnya dibenarkan. Begitu juga mendatangi isteri pada duburnya, ia dilarang kerana dubur sememangnya tempat yang kotor sepanjang masa.

Allah berfirman:

وَيَسْأَلُونَكَ عَنِ الْمَحِيضِ قُلْ هُوَ أَذَى فَأَعْتَزِلُوا النِّسَاءَ فِي الْمَحِيضِ وَلَا تَقْرَبُوهُنَّ حَتَّى يَطْهَرْنَ فَإِذَا تَطَهَّرْنَ فَأْتُوهُنَّ مِنْ حَيْثُ أَمَرَكُمُ اللَّهُ إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُتَوَّيْنِ وَيُحِبُّ الْمُتَطَهِّرِينَ ﴿٣٧﴾

Bermaksud: Dan mereka bertanya kepadamu (wahai Muhammad), mengenai (hukum) haidh. Katakanlah: "Darah haidh itu adalah suatu yang kotor (dan menjijikkan)". Oleh

sebab itu hendaklah kamu menjauhkan diri dari perempuan (jangan bersetubuh dengan isteri kamu) dalam masa datang darah haidh itu, dan janganlah kamu hampiri mereka (untuk bersetubuh) sebelum mereka suci. Kemudian apabila mereka sudah bersuci maka datangilah mereka menurut jalan yang diperintahkan oleh Allah kepada kamu. Sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang banyak bertaubat, dan mengasihi orang-orang yang sentiasa mensucikan diri. (al-Baqarah: 222).

Nabi s.a.w. bersabda:

مَلْعُونٌ مَنْ أَتَى امْرَأَةً فِي دُبْرِهَا

Bermaksud: Dila'nat (terkutuk) orang yang mendatangi isteri pada duburnya. (Hadits riwayat Ahmad, Abu Daud dan an-Nasā'i).

Nabi s.a.w. juga bersabda:

إِنَّ اللَّهَ لَا يَسْتَحْيِي مِنَ الْحَقِّ، لَا تَأْتُوا النِّسَاءَ فِي أَدْبَارِهِنَّ

Bermaksud: Sesungguhnya Allah tidak malu menyatakan kebenaran. Jangan kamu datangi isteri-isterimu pada dubur mereka. (Hadits riwayat ad-Daarimi, an-Nasā'i, Ahmad, Ibnu Majah, at-Thabaarani dan lain-lain).

(4) Hadits ke-72 inilah satu-satunya hadits yang dengan jelas mengandungi perintah Nabi s.a.w. supaya meminum air kencing unta. Orang-orang yang terlibat dalam peristiwa ini sahaja yang telah menjunjung perintah Rasulullah s.a.w. itu, jika benar sekalipun ia memang merupakan perintah Baginda.

Di dalam sejarah sahabat, tidak diketahui seorang pun daripada mereka meminum air kencing unta sebagai mengamalkan perintah Rasulullah s.a.w. itu. Sama ada sebagai tonik atau untuk tujuan-tujuan kesihatan yang lain. Apa yang diterima dan difahami oleh semua sahabat ialah meminum susu unta untuk merawat penyakit yang dideritai puak-puak berkenaan.

Menurut sesetengah 'ulama' penyakit yang dideritai mereka ialah penyakit busung.

Ini menunjukkan ada sesuatu yang tak kena dalam hadits itu. Ia semata-mata menggambarkan suatu peristiwa yang hukumnya hanya terbatas pada orang-orang tertentu sahaja. Hukumnya tidak melarat kepada orang-orang lain. Punca hukum seperti ini menurut Ilmu Usul Fiqh dipanggil واقعة حال لا عموم لها.

(5) Sabda Nabi s.a.w. yang dikemukakan oleh pengarang-pengarang kitab-kitab hadits daripada Abu Hurairah dan lain-lain sahabat yang saling menguatkan. Ia menunjukkan air kencing secara umum, tidak kira sama ada air kencing manusia, air kencing binatang yang halal dimakan atau air kencing binatang yang tidak halal di makan, semuanya adalah najis. Lihat hadits yang dimaksudkan di bawah ini:

تَزَهُوْا / اسْتَرْهُوْا مِنَ الْبَوْلِ فَإِنَّ عَامَّةَ عَذَابِ الْقَبْرِ مِنْهُ

Bermaksud: Peliharalah dirimu daripada (terkena) air kencing, kerana kebanyakan azab kubur berpunca daripadanya. (Hadits riwayat Ibnu Majah, Ibnu Khuzaimah, ad-Daraquthni dan al-Haakim).

Hadits ini dihukum sahih oleh Ibnu Khuzaimah, al-Haakim dan adz-Dzahabi.

Air kencing yang tersebut di dalam hadits ini merangkumi semua air kencing. Kerana ال yang ada di permulaan perkataan الْبَوْلِ itu boleh saja dipakai sebagai ال istighrāqiyah yang memberi erti semua air kencing. Termasuk di dalamnya air

kencing manusia, air kencing binatang yang haram dimakan dan juga air kencing binatang yang halal dimakan. Tidak ada tersebut di dalamnya pengecualian mana-mana air kencing pun.

(6) Golongan kedua yang terdiri daripada Imam Abu Hanifah, Syafi'e dan lain-lain itu berpendapat, air kencing semuanya najis, termasuk air kencing binatang yang halal di makan. Mereka meta'wilkan hadits ke-72 ini dengan beberapa ta'wilan berikut:

(i) Rasulullah s.a.w. telah mendapat tahu melalui wahyu bahawa puak-puak `Urainah dan `Ukl yang menderita penyakit itu tidak akan sembuh melainkan dengan meminum susu unta dan air kencingnya. Kerana itulah Baginda menyuruh mereka meminumnya. Mereka sebenarnya berada dalam keadaan dharurat. Orang-orang yang berada dalam keadaan dharurat seperti itu memang dibenarkan oleh Syari'at menggunakan sesuatu yang najis dengan maksud berubat dan merawat, termasuk juga meminum sesuatu yang najis seperti air kencing unta.

(ii) Nabi s.a.w. sebenarnya tidak menyuruh mereka meminum air kencing unta. Apa yang disuruh Baginda ialah meminum susu unta dan menggunakan air kencing unta sebagai ubat luaran seperti menghidu baunya apabila berada di kawasan penternakan unta atau dengan melumurnya. Sabda Rasulullah s.a.w. yang memakai qaedah idhmār atau tadhīmīn itu disalahfaham oleh mereka. Padahal ia diguna secara meluas dalam bahasa `Arab. Umapamanya mereka (orang-orang `Arab) berkata:

عَلَّقْتُهَا تَبْنًا وَمَاءً بَارِدًا

Bermaksud: Aku memberi makan kepadanya (unta) jerami dan air sejuk.

Kata-kata ini pada asalnya ialah:

عَلَّقْتُهَا تَبْنًا وَسَقَيْتُهَا مَاءً بَارِدًا

Bermaksud: “Aku memberi makan kepadanya (unta) jerami dan memberi minum kepadanya air sejuk.” Apa yang dibuangkan daripada ibarat asal sebelumnya ialah perkataan سَقَيْتُهَا .

Begitu juga dengan sabda Rasulullah s.a.w. di dalam hadits ini:

اشْرَبُوا مِنْ أَلْبَانِهَا وَأَبْوَالِهَا

Ia sebenarnya adalah:

اشْرَبُوا مِنْ أَلْبَانِهَا وَاسْتَنْشِفُوا مِنْ أَبْوَالِهَا

Bermaksud: “Minumlah susunya dan hidulah bau air kencingnya.” Apa yang dibuangkan pada ibarat asalnya ialah perkataan اسْتَنْشِفُوا .

Penggunaan seperti ini memang lumrah dan meluas dalam bahasa `Arab.

(iii) Di dalam sesetengah saluran riwayat ini daripada Anas tidak tersebut pun perkataan air kencing (الأبوال) sebagai sesuatu yang disuruh juga oleh Rasulullah s.a.w. supaya diminum mereka. Di dalamnya Beliau s.a.w. hanya menyuruh mereka meminum susu unta sahaja. Lihat sebagai contohnya hadits yang dikemukakan oleh at-Thaḥāwī melalui saluran riwayat `Abdullah bin Bakr as-Sahmi daripada Ḥumaid daripada Anas di bawah ini:

حَدَّثَنَا بَكَّارُ بْنُ قُتَيْبَةَ قَالَ: حَدَّثَنَا عَبْدُ اللَّهِ بْنُ بَكْرٍ السَّهْمِيُّ قَالَ: حَدَّثَنَا حُمَيْدُ الطَّوِيلُ عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ: قَدِمَ نَاسٌ مِنْ عُرَيْنَةَ عَلَى رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ الْمَدِينَةَ فَاجْتَوَوْا فَقَالَ: لَوْ خَرَجْتُمْ إِلَى دَوْدَ لَنَا فَتَرَيْتُمْ مِنْ أَلْبَانِهَا

Bermaksud: Kata Anas, Sekumpulan orang dari puak `Urainah mengunjungi Rasulullah s.a.w. di Madinah. Lalu mereka mendapati keadaan kesihatan mereka tidak sesuai dengan cuaca Madinah. Maka Rasulullah s.a.w. bersabda: “Kalaulah kamu pergi ke tempat (ternak) unta-unta kami, niscaya kamu dapat meminum susunya.”

Berdasarkan riwayat ini, ada kemungkinan mereka sendiri yang meminum air kencing unta itu, lalu lantaran terkeliru dengan perbuatan mereka, dikatakanlah Rasulullah s.a.w. juga menyuruh mereka meminum air kencing unta.

(iv) Sesetengah `ulama' dari golongan kedua berpendapat, hadits ke-72 dan hadits-hadits seumpamanya telah mansukh. Ia dimansukhkan oleh hadits yang telah dikemukakan pada poin (5) sebelum ini. Ia adalah satu hadits marfū' yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah dan lain-lain sahabat. Rasulullah s.a.w. dikatakan telah bersabda:

تَرَهُوْا / اسْتَنْزَهُوْا مِنَ الْبَوْلِ فَإِنَّ عَامَّةَ عَذَابِ الْقَبْرِ مِنْهُ

Bermaksud: Peliharalah dirimu daripada (terkena) air kencing, kerana kebanyakan azab kubur berpunca daripadanya. (Hadits riwayat Ibnu Majah, ad-Daaraquthni dan al-Haakim).

Antara bukti hadits ke-72 itu telah dimansukhkan ialah peristiwa puak `Uraniyyīn dan `Ukl itu telah berlaku pada tahun ke-6 Hijrah, walaupun ahli-ahli sejarah berbeda pendapat tentang bulannya. Ada yang mengatakan pada bulan Jumadal Ula, ada yang berpendapat pada bulan Syawwāl dan ada pula yang berpendapat ia berlaku pada bulan Dzil Qa'dah.

Hadits Abu Hurairah itu pula disabdakan oleh Rasulullah s.a.w. pada tahun ke-7 Hijrah. Ini kerana Abu Hurairah baru memeluk agama Islam pada tahun ke-7 Hijrah. Bererti salah satu syarat yang diperlukan untuk hadits nāsikh (memansukhkan) telah pun terdapat pada hadits riwayat Abu Hurairah itu, iaitu ia mestilah terkemudian daripada hadits yang dimansukhkannya.

Selain itu, di dalam hadits peristiwa puak `Uraniyyīn dan `Ukl itu terdapat semacam hukuman “mutslah” seperti mencelak mata dengan besi panas yang hanya telah digunakan di peringkat permulaan pemerintahan Islam di Madinah sahaja, dan ia telah pun dimansukhkan kemudian oleh sekian banyak hadits. Salah satunya ialah hadits:

أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ نَهَى عَنِ الْمُثْلَةِ

Bermaksud: Sesungguhnya Nabi s.a.w. melarang daripada (perbuatan) mutslah.

Hadits larangan Nabi s.a.w. daripada melakukan mutslah ini telah diriwayatkan daripada sekian ramai sahabat. Antaranya Anas bin Malik, Mughirah bin Syu'bah, Buraidah, `Imraan bin Hushain, Ibnu `Umar, Samurah bin Jundub dan lain-lain. Ia dapat anda temui di dalam kitab-kitab hadits seperti Sahih al-Bukhāri, Musnad Aḥmad, Sunan Abi Daud, Sunan at-Tirmidzi, Sunan an-Nasā'i, Sunan ad-Daarimi, Sahih Ibnu Hibbaan, Musnad al-Bazzaar, al-Mu'jam al-Ausath, al-Mu'jam al-Kabīr, al-Mu'jam as-Shaghīr, al-Mustadrak `Ala as-Shaḥīḥain, Mushannaf Ibnu Abi Syaibah dan lain-lain.

Bagaimanapun ta'wilan ini tidak diterima oleh `ulama' golongan pertama. Malah ramai juga `ulama' dari golongan kedua tidak menyenangnya. Alasan mereka ialah tidak semestinya kalau sesuatu hadits itu diriwayatkan oleh seseorang sahabat seperti

Abu Hurairah yang memeluk agama Islam pada tahun ke-7 misalnya, maka hadits itu disabdakan oleh Rasulullah s.a.w. kemudian.

Kerana mungkin sekali hadits berkenaan disabdakan oleh Rasulullah s.a.w. lebih dahulu lagi daripada apa yang disabdakan oleh Baginda apabila berlaku peristiwa puak 'Urainah dan 'Ukl yang dikatakan telah berlaku pada tahun ke-6 itu.

Cuma ia diriwayatkan oleh sahabat-sahabat seperti Abu Hurairah yang memeluk agama Islam pada tahun ke-7. Kemungkinan ia didengar oleh Abu Hurairah daripada sahabat-sahabat lain yang telah mendengarnya sebelum tahun ke-6 tetap ada, dan beliau hanya meriwayatkannya secara mursal.

Kesimpulannya ialah ta'wilan (i) dan (ii) yang telah dikemukakan sebelum ini nampaknya lebih kuat berbanding ta'wilan (iii) dan (iv) ini.

(7) Hadits-hadits yang melarang daripada memakan daging atau meminum susu binatang yang memakan najis, yang disebut sebagai "al-jallālah" juga menjadi pegangan golongan kedua. Antaranya hadits yang diriwayatkan oleh Ibnu 'Umar, kata beliau:

نَهَى رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَنْ أَكْلِ لُحُومِ الْجَلَالَةِ وَالْبَانِيهَا

Bermaksud: "Rasulullah s.a.w. melarang daripada memakan daging-daging binatang "jallālah" dan (meminum) susu-susunya." (Hadits riwayat Ahmad, Abu Daud, Tirmidzi, Nasā'i, Ibnu Majah dan lain-lain).

Jallālah ialah binatang yang halal dimakan menurut Syara', tetapi ia memakan najis-najis atau tahi-tahi binatang lain, termasuk juga tahi manusia. Sebab larangan bukanlah kerana ia tidak halal dimakan, tetapi kerana ia memakan najis atau tahi.

Maka dapatlah difahami berdasarkan "Dalālatu an-Nash" bahawa air kencing dan tahi binatang yang halal dimakan juga najis.

Dan kedua ialah hukum berubat dengan bahan-bahan (ubat) yang haram. Para 'ulama' juga berbeda pendapat tentang berubat dengan bahan-bahan atau benda-benda yang haram, adakah ia diharuskan atau tidak?

Dalam keadaan dharurat, di mana tanpa menggunakan sesuatu bahan yang haram nyawa pesakit terancam, tiada khilaf 'ulama' tentang keharusan menggunakannya sekadar diperlukan.

Dalam keadaan tidak terancam nyawa pula, tetapi penggunaan ubat daripada bahan yang haram diperlukan, memang terdapat perbezaan pendapat 'ulama' tentangnya.

Imam Malik berpendapat harus secara mutlaq menggunakannya dalam keadaan ini. Imam Syafi'e pula berpendapat, berubat dengan menggunakan bahan-bahan yang diharamkan tidak harus secara mutlaq. Imam Abu Hanifah dan muridnya Imam Muhammad juga sependapat dengan Imam asy-Syafi'e.

Imam Baihaqi berpendapat, tidak harus berubat dengan segala benda yang memabukkan, tetapi harus berubat dengan benda-benda lain yang diharamkan. Imam at-Thaḥāwī juga berpendapat demikian.

Di kalangan Ḥanafīyyah, Abu Yusuf berpendapat, jika doktor yang pakar memutuskan pesakit tidak mungkin akan terlepas daripada penyakitnya tanpa diberikan ubat daripada bahan yang haram, maka haruslah dia berubat dengannya.

unta-unta berkenaan serta murtad.⁶⁵⁵ Kemudian (setelah ditangkap) mereka dihadapkan kepada Nabi s.a.w., beliau memotong tangan dan kaki mereka secara bersilang, mata mereka (pula) dicelak dgn besi panas (paku besar yg dipanaskan dgn api)⁶⁵⁶ dan mereka dibuang ke Ḥarrah.”⁶⁵⁷ Anas berkata: “Aku

Hadits ke-72 ini merupakan salah satu dalil yang menjadi pegangan golongan pertama, bahawa air kencing unta atau binatang-binatang lain yang halal dimakan tidak najis, kerana itu tiada halangan berubat dengannya. Itulah sebabnya Nabi s.a.w. menyuruh mereka berubat dengannya. Jika ia najis atau sesuatu yang haram, tentu Nabi s.a.w. tidak akan menyuruh mereka meminumnya. Kerana Baginda pernah bersabda:

إِنَّ اللَّهَ تَعَالَى لَمْ يَجْعَلْ شِفَاءَكُمْ فِيَمَا حَرَّمَ عَلَيْكُمْ

Bermaksud: “Sesungguhnya Allah tidak meletakkan penawar kamu pada apa yang diharamkanNya kepadamu.” (Hadits riwayat Abu Ya’la, Ibnu Hibbaan, at-Thabaraani, al-Haakim, al-Baihaqi dan lain-lain).

Orang-orang yang menganggap air kencing unta najis pula mengatakan hadits ke-72 ini membuktikan bahawa dalam keadaan dharurat berubat dengan sesuatu yang najis atau sesuatu yang diharamkan adalah diharuskan.

⁶⁵⁴ Nama penggembala Rasulullah s.a.w. ini menurut riwayat at-Thabaraani yang agak kuat sanadnya ialah Yasār. Yasār adalah hamba Rasulullah s.a.w. Sesetengah ‘ulama’ pula berkata, penggembala Rasulullah s.a.w. itu adalah anak Abu Dzarr al-Ghifārī r.a. Berdasarkan riwayat al-Bukhari dan Muslim hanya seorang sahaja penggembala disebutkan. Berdasarkan riwayat Abu ‘Awānah di dalam Mustakhrajnya dan at-Thaḥāwī di dalam Syarḥ Musykilil Aatsār pula tersebut dua orang penggembala sebenarnya, tetapi yang terbunuh hanya seorang sahaja. Yang seorang lagi sempat melarikan diri dalam keadaan menangis ketakutan dan luka-luka. Dialah yang menceritakan tentang kawannya yang telah dibunuh oleh mereka. Di bawah ini dikemukakan bahagian yang berkenaan daripada hadits Abu ‘Awānah dan at-Thaḥāwī yang berpunca daripada riwayat Mu‘āwīyah bin Qurrah daripada Anas itu:

فَخَرَجُوا فَقَتَلُوا أَحَدَ الرَّاعِيَيْنِ، وَذَهَبُوا بِالْإِبِلِ، قَالَ: وَجَاءَ الْآخَرُ وَقَدْ جُرِحَ، فَقَالَ: قَدْ قَتَلُوا صَاحِبِي وَذَهَبُوا بِالْإِبِلِ
Bermaksud: “Maka pergilah mereka (ke kawasan penternakan unta-unta), lalu mereka membunuh salah seorang daripada dua orang penggembala (unta), dan melarikan unta-unta. Kata perawi (Anas): “Yang seorang lagi (yang tidak terbunuh, kemudiannya) datang dalam keadaan luka-luka. Dia berkata: “Mereka telah membunuh kawanku dan telah melarikan unta-unta.”

Di dalam riwayat-riwayat Bukhari tiada khilaf tentang yang terbunuh adalah penggembala Rasulullah s.a.w.

⁶⁵⁵ Mungkin sekali mereka sebenarnya adalah orang-orang munafiq. Mereka dari awal lagi berpura-pura memeluk agama Islam dan berbai’ah dengan Rasulullah s.a.w.

⁶⁵⁶ Hukuman yang dilaksanakan oleh Rasulullah s.a.w. ini bersesuaian dengan ayat muḥārabah di dalam al-Qur’an di mana Allah berfirman:

melihat salah seorang dari mereka jatuh tersungkur hingga pasir masuk ke dalam mulutnya, lalu mereka mati.” Kadang-kadang Ḥammād berkata: “Ia menggigit tanah dengan mulutnya, sehingga mereka semua mati.”⁶⁵⁸

إِنَّمَا جَزَاءُ الَّذِينَ يُحَارِبُونَ اللَّهَ وَرَسُولَهُ وَيَسْعَوْنَ فِي الْأَرْضِ فَسَادًا أَنْ يُقَتَّلُوا أَوْ يُصَلَّبُوا أَوْ تُقَطَّعَ أَيْدِيهِمْ وَأَرْجُلُهُمْ مِنْ خِلَافٍ أَوْ يُنْفَوْا مِنَ الْأَرْضِ ذَلِكَ لَهُمْ خِزْيٌ فِي الدُّنْيَا وَلَهُمْ فِي الْآخِرَةِ عَذَابٌ عَظِيمٌ ﴿٣٣﴾

Bermaksud: Sesungguhnya balasan orang-orang yang memerangi Allah dan RasulNya serta melakukan bencana kerosakan di muka bumi ialah dengan dihukum bunuh, atau dipalang (disalib), atau dipotong tangan dan kaki mereka dengan bersilang, atau dibuang negeri. Hukuman yang demikian itu adalah suatu kehinaan di dunia bagi mereka, dan di akhirat kelak mereka beroleh azab seksa yang amat besar. (al-Mā'idah:33).

Hukuman ini juga sesuai dengan firman Allah berikut:

وَكُتِبْنَا عَلَيْهِمْ فِيهَا أَنْ النَّفْسَ بِالنَّفْسِ وَالْعَيْنَ بِالْعَيْنِ وَالْأَنْفَ بِالْأَنْفِ وَالْأُذُنَ بِالْأُذُنِ وَالسِّنَّ بِالسِّنِّ وَالْجُرُوحَ قِصَاصٌ فَمَنْ تَصَدَّقَ بِهِ فَهُوَ كَفَّارَةٌ لَهُ وَمَنْ لَمْ يَحْكَمْ بِمَا أَنْزَلَ اللَّهُ فَأُولَئِكَ هُمُ الظَّالِمُونَ ﴿٤٥﴾

Bermaksud: Dan kami telah tetapkan atas mereka di dalam kitab Taurat itu, bahawa jiwa dibalas dengan jiwa, dan mata dibalas dengan mata, dan hidung dibalas dengan hidung, dan telinga dibalas dengan telinga, dan gigi dibalas dengan gigi, dan luka-luka (juga) hendaklah dibalas (seimbang). Tetapi sesiapa yang melepaskan hak membalasnya, maka menjadilah ia penebus dosa baginya; dan sesiapa yang tidak menghukum dengan apa yang telah diturunkan Allah, maka mereka itulah orang-orang yang zalim. (al-Mā'idah:45).

Hadits ke-73 selepas ini menjelaskan kenapa Rasulullah telah menghukum supaya mata mereka dicelak dengan besi panas. Sebabnya ialah kerana mereka telah berbuat begitu terhadap penggembala Nabi s.a.w. sebelum membunuhnya.

Inilah salah satu landasan hukum yang dipakai oleh segolongan 'ulama' berhubung dengan hukum balasan yang setimpal (القصاص بالمثل) dalam kes jenayah.

⁶⁵⁷ Kawasan bumi yang berkerikil dan terdapat batu-batu hitam yang besar-besar. Di sebelah utara dan selatan Madinah memang terdapat agak luas kawasan bumi seperti itu.

⁶⁵⁸ Antara pengajaran, pedoman, panduan dan hukum-hakam yang dapat disimpulkan daripada hadits ini ialah:

(1) Hadits ini menunjukkan ada rombongan dari luar datang mengunjungi Nabi s.a.w. di Madinah. Nabi s.a.w. pula melayan mereka dengan baik. Makanan, minuman dan lain-lain keperluan mereka disediakan semasa di Madinah.

(2) Di antara yang datang ada yang terus memeluk agama Islam dan ada juga yang tidak terus memeluk agama Islam. Rombongan puak 'Urainah dan 'Ukl yang tersebut di dalam hadits ini memeluk agama Islam setelah sampai di Madinah, tetapi kemudiannya mereka murtad.

Abu 'Isa berkata: “Ini adalah hadits hasan shahih.”⁶⁵⁹ Ia telah diriwayatkan daripada Anas bukan hanya melalui satu saluran riwayat sahaja. Itu adalah pendapat kebanyakan ahli ilmu, Mereka mengatakan: “Tidak mengapa dengan air kencing binatang yang boleh dimakan dagingnya.”⁶⁶⁰

(3) Segolongan besar 'ulama' telah menjadikan hadits ini sebagai hujah mereka tentang tidak najisnya air kencing binatang yang halal dimakan. Demikian juga tahinya.

(4) Berubat dan merawat penyakit tertentu dengan susu dan air kencing unta memang disyariatkan melalui hadits ini dengan kesepakatan 'ulama'.

(5) Disyariatkan pembalasan yang setimpal (المماثلة في القصاص) dalam banyak kes jenayah. Dan ia tidak termasuk dalam “mutslah” yang dilarang Nabi s.a.w. di dalam hadits-haditsnya.

(6) Disyariatkan membunuh beberapa orang yang terlibat dalam pembunuhan seseorang manusia. Sama ada mereka membunuhnya secara curi atau secara terbuka.

(7) Ubat-ubat yang suci dan tidak najis seeloknya diberikan kepada pesakit. Ubat-ubat daripada bahan yang najis atau haram hanya diberikan dalam keadaan dharurat dan terdesak sahaja.

(8) Menghukum orang-orang yang melakukan kerosakan di muka bumi, termasuk membunuhnya jika mereka terlibat dalam pembunuhan merupakan tanggungjawab pihak berkuasa negara.

(9) Keharusan membelanjakan atau menggunakan hak umum seperti harta zakat dan lain-lain untuk orang-orang yang berhak menerimanya.

(10) Orang-orang yang tidak biasa dengan cuaca sesuatu tempat biasanya terdedah kepada bermacam-macam penyakit.

⁶⁵⁹ Selain Tirmidzi, ia diriwayatkan juga oleh Bukhari, Muslim, Ahmad, Abu Daud, an-Nasā'i, Ibnu Majah, al-Bazzaar, Ibnu Abi Syaibah, Abu Ya'la, Ibnu Hibbaan dan lain-lain.

⁶⁶⁰ Daripada kata-kata Tirmidzi ini dapat difahami bahawa majoriti ahli ilmu di kalangan Salaf berpendapat air kencing dan tahi binatang yang halal dimakan tidak najis. Dan beliau juga cenderung kepada pendapat itu. Kerana itulah Imam Tirmidzi tidak mengemukakan langsung dalil dan hujah golongan yang mengatakan ia najis.